



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 10 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL PERKASA WANITA DI TEMPAT KERJA, KATA NANCY		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/09/akta-antigangguan-seksual-perkasa-wanita-di-tempat-kerja-kata-nancy/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/09/anti-sexual-harassment-act-empowers-women-in-the-workplace-says-nancy/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=eW98XHCXXEo	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MEMBINA MASYARAKAT YANG LEBIH INKLUSIF DENGAN MELINDUNGI OKU		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/membina-masyarakat-yang-lebih-inklusif-dengan-melindungi-oku	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KES KEGANASAN RUMAH TANGGA TAHUN LALU MENINGKAT LEBIH 7,000, INI 5 TALIAN HAYAT BOLEH DIHUBUNGI MANGSA		NEUTRAL
	https://majoriti.com.my/berita/2025/03/09/kes-keganasan-rumah-tangga-tahun-lalu-meningkat-lebih-7000-ini-5-talian-hayat-boleh-dihubungi-mangsa	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MUTIARA GRS LAKSANA PELBAGAI PROGRAM SEJAK EMPAT TAHUN LALU		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/09/mutiara-grs-laksana-pelbagai-program-sejak-empat-tahun-lalu	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BAYI PEREMPUAN BARU LAHIR DITINGGALKAN DI BANGSAL KAYU		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/bayi-perempuan-baru-lahir-ditinggalkan-di-bangsals-kayu/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/09/wanita-terkejut-jumpa-bayi-bertali-pusat-dalam-beg-galas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/716728/berita/semasa/terkejut-jumpa-beg-berisi-bayi-perempuan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195240/bayi-kesejukan-ditemukan-bawah-garaj-kereta	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	NEWBORN BABY FOUND ABANDONED BY ROADSIDE IN SEMPORNA		NEGATIF
	https://www.bernama.com/en/news.php/crime_courts/news.php?id=2400416	BERNAMA.COM	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/253788/bayi-dibuang-ditemui-hidup/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bayi-lelaki-masih-bertali-pusat-ditemukan-di-semporna-x9fsvuc	ASTROAWANI.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=uxMpOLOuzBs	YOUTUBE	
	https://www.nabalunews.com/post/bayi-masih-bertali-pusat-ditinggalkan-di-tepi-jalan	NABALUNews.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM AMBIL ALIH JAGAAN SEMBILAN KANAK-KANAK DIKAIT DENGAN GISBH

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 MAC 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

JKM ambil alih jagaan sembilan kanak-kanak dikait dengan GISBH

Mahkamah keluar perintah tetap selepas tiada ibu bapa tampil tuntutan hak penjagaan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil alih penjagaan tetap, sembilan kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) sehingga mereka berusia 18 tahun.

Menteri Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata JKM mendapat hak itu selepas mahkamah mengeluarkan perintah tetap untuk mereka terus berada di bawah jagaan dan perlindungan ja-

Eksklusif

batan itu.

"Ini kerana tiada siapa termasuk ibu bapa yang tampil untuk mengambil mereka. Oleh itu, JKM akan mengambil tanggungjawab menjaga sehingga berusia 18 tahun," katanya kepada BH.

Media sebelum ini melaporkan seramai 660 kanak-kanak diselamatkan dalam Op Global dengan 560 daripada mereka mendapat perintah interim mahkamah untuk penjagaan dan perlindungan sementara di bawah JKM bermula September hingga Disember tahun lalu.

Nancy berkata, secara keseluruhan sehingga kini hanya tinggal 10 daripada keseluruhan 560 orang kanak-kanak yang masih berada di bawah perlindungan JKM.



Nancy Shukri,
Menteri Pembangunan
Keluarga dan Masyarakat

Secara keseluruhan sehingga kini hanya tinggal 10 daripada keseluruhan 560 orang kanak-kanak yang masih berada di bawah perlindungan JKM

ngan JKM.

Beliau berkata, ia bermakna sebahagian besar kanak-kanak ini sudah diserahkan kepada keluarga masing-masing.

"Sementara baki seorang lagi masih berada dalam perintah interim dan sekiranya Mahkamah Bagi Kanak-kanak berpuas hati boleh menyerahkan mereka kepada keluarga. Ia tertakluk kepada perintah mahkamah yang diputuskan oleh majistret.

"JKM percaya anak selamat berada dengan mak ayah, namun perlu juga dilihat dari aspek kemampuan ekonomi. Ini kerana kita mahu anak ini terjaga dari segi fizikal dan mental serta tidak diabaikan," katanya.

Syarat tambahan

Nancy berkata, sebelum kanak-kanak ini diserahkan kepada keluarga, mereka diberikan syarat tambahan berdasarkan Subseksyen 30(8) Akta Kanak-Ka-

nak 2001.

Katanya, ia bertujuan melindungi kanak-kanak ini antaranya membabitkan pemukiman alamat, tidak berlaku perbuatan penganiayaan dan penderaan dan memastikan anak mereka mendapat pendidikan formal sewajarnya.

"Selain itu, ibu bapa atau penjaga juga perlu mengikuti bengkel interaktif dibuat pegawai psikologi JKM selain perlu hadir ke jabatan setiap tiga bulan bagi tujuan pengawasan.

"Kita juga tidak membenarkan kanak-kanak ini dijadikan bahan kandungan (content) media sosial. Semua syarat ini adalah berasas," katanya.

Beliau berkata, JKM akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memastikan kanak-kanak ini berdaftar serta belajar di sekolah.

Katanya, kerjasama dengan JAKIM pula adalah membabitkan aspek pemulihan akidah keluarga kanak-kanak ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : POLICY TO HELP DOMESTIC VIOLENCE VICTIMS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 10 MAC 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Policy to help domestic violence victims

KUALA LUMPUR: The National Women's Policy 2025-2030 launched on Saturday will focus on improving existing policies and stepping up enforcement against domestic violence offenders.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the new policies would cover loopholes in previous policies, with more focus on the protection of women.

"There needs to be implementation in terms of punishment and action needs to be taken against perpetrators," she said at the International Women's Day celebration at the World Trade Centre here.

The event was officiated by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who also launched the policy.

Nancy said the ministry would work with police to step up enforcement actions.

During the celebration, she said her ministry has implemented pre-celebration activities for the first time to ensure more comprehensive and inclusive participation, beginning with the Borneo Zone on Feb 11, East Zone on Feb 18, South Zone on Feb 24, Central Zone on Feb 25 and North Zone on Feb 26, with between 500 and 1,000 participants in each zone.

"The activities organised included awareness and advocacy campaigns, forums, and dialogue sessions with women leaders and experts."

Anwar presented special Kasih Wanita Awards to four individuals to honour their contributions during the launch.

Cempaka Merah Asnaf Society founder Che Norhayati Mohamed received the Kasih Wanita Bakti Award, former schizophrenia patient Nor Kamariah Mohd Khalid Lourdes Lid received the Kasih Wanita Cekal Award, former police personnel Jennifer Atok received the Kasih Wanita Harmoni Award and *Orang Asli* teacher Amira Yoke Bes received the Kasih Wanita Komuniti Award. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Akta Antigangguan Seksual perkasa wanita di tempat kerja, kata Nancy

Danish Raja Reza - 09 Mar 2025, 10:30 AM

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri berkata akta itu dan tribunalnya meningkatkan rasa selamat serta adil kepada wanita di tempat kerja.

Most Viewed L

1 | UOB founder's 1 US\$10bil estate



Nancy Shukri berkata wanita perlu digalakkan merebut peluang di luar tempat kerja tradisional, termasuk kerja dari jauh dan pilihan pekerjaan fleksibel.

PETALING JAYA: Akta Antigangguan Seksual 2022 memberi lebih keyakinan dan keselamatan kepada wanita di tempat kerja, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri.

Dalam temu bual eksklusif bersama FMT, Nancy berkata, tribunal yang ditubuhkan di bawah akta itu menggalakkan ramai wanita tampil kerana ia menyediakan platform alternatif untuk mereka menangani masalah dengan cepat dan cara mudah pada kos minimum.

"Sesetengah wanita merasakan persekitaran kerja mereka tidak kondusif disebabkan gangguan seksual dan cabaran lain.

"Tetapi, apabila akta itu diperkenalkan, beberapa lelaki bahkan memberitahu saya, 'Terima kasih, wanita kami berasa lebih yakin'."

Diluluskan Dewan Negara pada 11 Ogos 2022, akta itu memberi hak untuk mendapatkan ganti rugi bagi individu pernah mengalami gangguan seksual, sama ada di tempat kerja atau persekitaran lain.

Ia turut menubuhkan Tribunal Antigangguan Seksual yang boleh memutuskan pampasan sehingga RM250,000 dan merangkumi pelbagai bentuk gangguan seksual, termasuk lisan, bukan lisan, visual, isyarat dan tingkah laku fizikal yang menyinggung perasaan atau memalukan.

Akta itu melengkapkan perlindungan sedia ada di bawah Akta Pekerjaan 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, yang hanya meliputi gangguan di tempat kerja.

Di luar tempat kerja tradisional

Nancy berkata, wanita kini mempunyai lebih banyak peluang melangkaui tempat kerja tradisional, termasuk kerja dari jauh dan pilihan pekerjaan fleksibel, yang perlu digalakkan.

Menurutnya, wanita tidak patut merasa terbeban dengan tanggungjawab menjaga, melakukan kerja rumah atau kewajipan keluarga sehingga menghalang kerjaya mereka.

"Wanita tidak patut menghalang diri daripada bekerja atas kebimbangan ini. Kami tidak mahu wanita merasakan tidak kira betapa tinggi mereka belajar, mereka masih perlu berada di rumah.

"Kita perlu menyokong wanita supaya mereka yakin, di samping mewujudkan lebih banyak peluang untuk mereka."

Beliau berkata, kerajaan menerusi Belanjawan 2025 memperkenalkan langkah untuk menyokong penyertaan tenaga kerja wanita.

Ini termasuk pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% untuk majikan mengambil wanita kembali bekerja, selain insentif cukai untuk syarikat menyediakan kemudahan cuti penjagaan tambahan bagi meningkatkan keseimbangan kerja-kehidupan.

Menurut Jabatan Perangkaan, daripada 4.8 juta wanita tidak mencari pekerjaan pada 2023, tiga juta atau 60% disebabkan tanggungjawab keluarga atau kerja rumah.

Sebanyak 30% lagi berkata, ia disebabkan persekolahan dan baki 10% melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak minat bekerja atau sudah bersara.

Majoriti wanita itu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan setaraf dengannya dan hampir separuh daripadanya mempunyai pengalaman bekerja.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Membina masyarakat yang lebih inklusif dengan melindungi OKU

Kolumis - Dicipta: 09 Mac 2025 05:22 PM - Kemas kini: 09 Mac 2025 05:22 PM



SAUDARA PENGARANG,

Di sebalik kekuatan dan potensi luar biasa yang dimiliki oleh golongan orang kurang upaya (OKU), mereka masih menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian. Meskipun dunia semakin maju, acap kali kita terlupa bahawa OKU memerlukan lebih daripada sekadar simpati dan belas kasihan—mereka berhak menikmati peluang yang sama dalam aspek sosial, pendidikan, dan pekerjaan.

Golongan OKU sering berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk isu aksesibiliti, ketidaksetaraan dalam peluang pekerjaan, serta kekangan dalam pendidikan. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan dalam aspek sosial, kebajikan, pendidikan, dan kewangan agar OKU dapat menikmati hak-hak yang sama seperti golongan bukan OKU.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), statistik OKU (aktif) berdaftar mengikut jantina sehingga 31 Oktober 2024 adalah 486,507 bagi lelaki dan 254,337 bagi perempuan. Jumlah keseluruhan OKU aktif adalah 740,844 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini hanya melibatkan OKU yang telah berdaftar dengan JKJ, dan angka sebenar dipercayai lebih tinggi kerana tidak semua individu OKU mendaftar untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi.

Statistik ini merangkumi pelbagai jenis kecacatan, termasuk kecacatan fizikal, mental, penglihatan, pendengaran, dan lain-lain. Berdasarkan laporan terkini, kecacatan fizikal adalah kategori yang paling ramai, diikuti oleh kecacatan intelektual dan penglihatan. Kajian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan bahawa kira-kira 16% daripada populasi dunia mengalami bentuk kecacatan, yang menunjukkan bahawa Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi isu ini.

Integrasi dan penerimaan masyarakat

Di Malaysia, salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh OKU adalah stigma sosial. Walaupun masyarakat semakin peka mengenai pentingnya inklusiviti, diskriminasi terhadap OKU masih wujud dalam pelbagai bentuk. Banyak tempat awam dan kemudahan masih kurang mesra OKU. Stigma sosial ini boleh dilihat dari pelbagai sudut, termasuk dalam cara golongan OKU dilihat oleh masyarakat umum, serta halangan yang mereka hadapi dalam mengakses peluang pendidikan, pekerjaan, dan kehidupan sosial.

Salah satu bentuk stigma yang ketara adalah pandang rendah terhadap kemampuan OKU, di mana mereka sering dipandang sebagai golongan yang kurang berkemampuan atau bergantung sepenuhnya kepada bantuan. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat peluang yang setara dalam banyak aspek kehidupan.

Sebagai contoh, apabila berhadapan dengan peluang pekerjaan, OKU sering kali dihadkan oleh pandangan bahawa mereka tidak mampu melakukan tugas-tugas tertentu walaupun mereka memiliki kelayakan yang mencukupi. Di banyak tempat awam, kita juga sering mendapati kemudahan untuk OKU seperti tandas, laluan pejalan kaki, dan pengangkutan awam yang tidak mesra OKU.

Ini menunjukkan bahawa meskipun telah ada usaha kerajaan dan pelbagai organisasi dalam menyediakan akses kepada OKU, sikap masyarakat masih menjadi penghalang utama dalam usaha untuk mencapai inklusiveness sebenar.

Sikap masyarakat yang kurang memahami keperluan dan potensi OKU ini sering kali mendorong mereka untuk merasa terpinggir dan terasing. Stigma negatif terhadap OKU ini turut mempengaruhi keterlibatan sosial mereka, di mana golongan ini lebih cenderung untuk terasing daripada masyarakat, mengakibatkan mereka lebih banyak menghabiskan masa dalam keadaan kesepian atau kurang berinteraksi dengan individu lain.

Ini bukan sahaja memberi impak negatif terhadap kesihatan mental mereka, tetapi juga menjejaskan peluang mereka untuk berjaya dalam kehidupan sosial dan profesional. Selain itu, pengaruh media turut memainkan peranan dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap OKU. Sering kali, OKU digambarkan dalam konteks yang tidak tepat atau terlalu bergantung kepada simpati orang lain, tanpa menonjolkan kekuatan, kebolehan, dan sumbangan yang mereka boleh berikan kepada masyarakat.

Oleh itu, adalah penting untuk media memainkan peranan yang lebih positif dalam menonjolkan kisah kejayaan dan sumbangan OKU dalam pelbagai bidang, agar masyarakat dapat melihat mereka sebagai individu yang mempunyai potensi dan kebolehan yang sama seperti orang lain.

Optimum kebajikan OKU

Langkah-langkah untuk mengurangkan stigma sosial terhadap OKU di Malaysia perlu melibatkan pendekatan yang lebih menyeluruh. Pertama, perlu ada pendidikan dan kempen kesedaran yang lebih meluas tentang hak-hak OKU, serta tentang potensi dan keupayaan mereka untuk menyumbang kepada masyarakat. Kempen ini perlu dilakukan di semua peringkat, dari sekolah hingga ke tempat kerja, bagi menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan OKU.

Salah satu langkah penting yang perlu dilaksanakan adalah pendidikan inklusif di sekolah, di mana pelajar OKU diberikan sokongan penuh dalam suasana yang sama dengan pelajar bukan OKU. Hal ini akan membantu mengurangkan stigma dari peringkat awal lagi, serta memberi peluang kepada golongan OKU untuk berkembang dalam persekitaran yang lebih inklusif.

Selain itu, perlu ada penambahbaikan dalam polisi inklusif yang melibatkan penyediaan kemudahan yang mesra OKU di semua tempat awam dan kemudahan pengangkutan. Sebagai contoh, aksesibiliti bangunan yang tidak memenuhi piawaian untuk OKU yang menggunakan kerusi roda atau kurangnya pengangkutan awam yang sesuai bagi golongan ini. Hal ini menimbulkan kesukaran kepada OKU untuk menjalani kehidupan yang lebih bebas dan berdaya.

Satu kejadian tragis yang berlaku melibatkan OKU baru-baru ini memberi peringatan besar berkenaan pentingnya menyediakan kemudahan yang selamat dan mesra OKU. Tragedi seorang lelaki OKU buta penglihatan yang maut selepas terjatuh dan digilis tren di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Titivangsa, Jalan Tun Razak di Kuala Lumpur seolah memberi tamparan untuk menyedarkan kita bahawa aspek kesedaran akan keselamatan dan kebajikan OKU perlu dioptimumkan.

Kejadian ini turut menimbulkan kesedaran yang mendalam mengenai pentingnya menilai semula sistem keselamatan dan aksesibiliti yang ada di stesen-stesen pengangkutan awam, khususnya bagi golongan yang memerlukan perhatian khas seperti OKU.

Dalam aspek kebajikan, kerajaan Malaysia telah melakukan beberapa langkah positif melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008, yang bertujuan untuk melindungi hak OKU dan memperbaiki kesejahteraan hidup mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang antara polisi dan pelaksanaan di lapangan. Sebagai contoh, walaupun ada peraturan yang mewajibkan kemudahan awam menyediakan akses untuk OKU, masih banyak tempat awam yang tidak dapat memenuhi keperluan ini.

Oleh itu, perlindungan sosial yang lebih berkesan perlu dilaksanakan, termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menyediakan persekitaran yang lebih inklusif dan selamat untuk OKU.

Kesimpulan

Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menyediakan ruang yang lebih besar bagi OKU untuk terlibat dalam aktiviti sosial dan profesional, agar mereka tidak hanya dilihat sebagai penerima bantuan, tetapi juga sebagai individu yang memiliki potensi besar untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Berbanding dengan negara-negara maju seperti Norway, Sweden, dan Australia, Malaysia masih perlu ke hadapan dan setanding dalam beberapa aspek perlindungan kepada OKU.

Di negara-negara tersebut, OKU menerima bantuan kewangan yang lebih tinggi, pendidikan inklusif yang lebih baik, dan peluang pekerjaan yang lebih luas. Sebagai contoh, di Australia, kerajaan menyediakan Program Pekerjaan OKU yang membolehkan OKU mendapat latihan khas dan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka. Selain itu, mereka juga mempunyai skema kewangan yang lebih baik, yang memberi sokongan lebih besar kepada OKU yang tidak bekerja.

Di negara seperti Sweden, OKU mendapat peluang pendidikan tinggi yang setara dengan individu bukan OKU, serta akses kepada perkhidmatan kesihatan dan perumahan yang mesra OKU. Negara-negara ini juga mempunyai sistem transportasi awam yang sangat mesra OKU, yang membolehkan mereka bergerak dengan

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr. Siti Aisyah Samudin
Pensyarah Kanan,
Jabatan Syariah dan Undang-Undang,
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaysia

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes keganasan rumah tangga tahun lalu meningkat lebih 7,000, ini 5 talian hayat boleh dihubungi mangsa

Oleh NUR IFITAH ROZLAN

Ahad, 09 Mac 2025
4:00 PM MYT



Kes keganasan rumah tangga pada 2024 mencatatkan angka tertinggi dalam tempoh tiga tahun. — Gambar hiasan

ISU penderaan dalam rumah tangga terus menjadi masalah serius di negara ini, dengan 7,116 kes direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun lalu, berbanding 5,507 kes pada 2023.

Kebanyakan isteri yang juga mangsa keganasan rumah tangga sering kali terpaksa menanggung penderitaan tanpa melaporkannya kepada pihak berkuasa berkemungkinan atas faktor malu atau menjaga maruah keluarga dan keharmonian rumah tangga.

Malah, ada juga yang tidak tahu ke mana harus mereka rujuk untuk mendapatkan bantuan.

Bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga, **Majoriti** kongsi lima talian yang boleh dihubungi untuk mendapatkan sokongan dan bantuan segera:

1) Talian Kasih: 15999/ WhatsApp ke 019-2615999

Talian Kasih beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun.

Talian tersebut menyediakan perkhidmatan kecemasan serta aduan mengenai pelbagai isu termasuk penderaan, pengabaian, keganasan rumah tangga, masalah juvana/kanak-kanak, kemiskinan dan sokongan kepada ibu tunggal.



Talian Kasih beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun.

2) Talian SELamat (Selangor): 03-64195027

Kerajaan Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) menubuhkan Talian SELamat untuk memberikan sokongan khusus kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Berfungsi 24 jam sehari, ia bertujuan membantu mangsa yang berada di Selangor dengan memberikan maklumat, sokongan dan rujukan kepada pihak berkuasa atau pusat perlindungan.

3) Talian Teledera: 1-800-88-3040

Saluran bantuan yang disediakan kerajaan Malaysia untuk mangsa keganasan rumah tangga.

Talian itu memberi sokongan, maklumat dan bantuan segera kepada individu yang terlibat dalam situasi keganasan rumah tangga, selain menyediakan kaunseling dan panduan bagi mangsa memerlukan.



Kebahagiaan seorang ibu dan isteri berupaya membentuk sebuah keluarga yang positif. — Gambar hiasan

4) Polis: 999

Aduan keganasan rumah tangga boleh dibuat sama ada ke pegawai polis atau pekerja kebajikan sosial di mana mangsa atau pelaku tinggal atau lokasi penderaan tersebut dikatakan berlaku atau lokasi sementara mangsa.

Disebabkan keganasan rumah tangga diklasifikasikan sebagai kesalahan boleh ditangkap, pihak polis boleh menjalankan siasat sebaik sahaja laporan diterima. Pihak polis boleh menangkap pelaku tanpa waran tangkap.

5) Hospital

Jika mangsa cedera dan memerlukan rawatan perubatan, anda digalakkan untuk segera mendapatkan bantuan di jabatan kecemasan mana-mana hospital kerajaan.

Selain rawatan, bukti fizikal mengenai penderaan juga perlu direkodkan sebaik mungkin, kerana ia akan menjadi bahan penting dalam penyiasatan oleh pihak polis.

Bantuan yang cepat dan tepat dapat menyelamatkan nyawa serta memberikan mangsa peluang memulakan hidup baharu.



Noraini berkata, KPWK meletakkan fokus utama pengurusan kes keganasan rumah tangga dengan kerjasama strategik agensi kerajaan dan NGO.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad baru-baru ini memaklumkan, pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) serta perundangan lain yang berkaitan perlu dikaji dari semasa ke semasa bagi menambahkan kawalan dan tindakan perundangan.

Bellau berkata, Kementerian juga dalam proses mengemas kini Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memastikan dasar tersebut selaras dengan struktur keluarga moden semasa.

"Melalui penguatan struktur keluarga yang kukuh dan nilai keluarga yang positif, kami berharap ia akan mengurangkan kejadian kes keganasan rumah tangga secara tidak langsung," katanya di Dewan Rakyat pada 4 Mac lalu.

Bellau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Seri Aminuddin Harun (PH-Port Dickson) yang bertanyakan sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bercadang memperkenalkan sebarang pindaan undang-undang dalam meningkatkan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Mengulas lanjut, Noraini berkata, KPWK meletakkan fokus utama pengurusan kes keganasan rumah tangga dengan kerjasama strategik agensi kerajaan dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT).

Jawatankuasa itu ujarnya, memainkan peranan menyelaras dan memantau isu serta inisiatif berkaitan keganasan rumah tangga secara holistik merangkumi inisiatif seperti analisis ke atas data kes keganasan rumah tangga, aspek advokasi, bantuan perlindungan, khidmat sokongan dan penguapayaan diri. — **Majoriti**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MUTIARA GRS laksana pelbagai program sejak empat tahun lalu

© March 9, 2025, Ahad - 11:47am



MESYUARAT: Juliah (tengah) ketika mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan MUTIARA GRS ke-4 Tahun 2024.

KOTA KINABALU: Pelbagai program yang memberi manfaat kepada rakyat di peringkat akar umbi sudah dilaksanakan dalam tempoh empat tahun lalu oleh Pertubuhan Muafakat Titipan Amal Isteri Wakil Rakyat, Gabungan Rakyat Sabah (MUTIARA GRS) di negeri ini.

Isteri Ketua Menteri merangkap Yang Dipertua MUTIARA GRS, Datin Seri Panglima Juliah Salag, berkata program yang dilaksanakan antaranya ceramah berkaitan kesihatan dan keusahawanan khususnya kepada golongan wanita, selain aktiviti kebajikan dan amal.

Katanya, dalam tempoh empat tahun, pelbagai aktiviti telah dijalankan membabitkan lebih 21 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negeri untuk menyantuni pelbagai lapisan masyarakat termasuk mereka yang kurang berkemampuan.

"Kita juga telah bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) Sabah untuk mengadakan pelbagai program antaranya ceramah berkaitan kesihatan dan keusahawanan.

"Justeru, saya berharap kita bukan saja akan terus membantu kebajikan rakyat khususnya golongan wanita di negeri ini, tetapi meningkatkan kemahiran dan menuntun ilmu-ilmu yang baharu agar tidak ketinggalan dalam arus kemedanan masa kini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Mesyuarat Agung Tahunan MUTIARA GRS ke-4 Tahun 2024 di Rumah MUTIARA GRS di sini, semalam.



LAWAT: Juliah ketika melawat gerai jualan kuih raya selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan MUTIARA GRS ke-4 Tahun 2024.

Beliau berkata lebih banyak lagi aktiviti akan diadakan pada tahun ini bagi menyantuni lebih ramai rakyat di negeri ini.

"Dalam bulan Ramadan ini, kita akan mengadakan aktiviti pembungkusan kuih raya untuk diagihkan kepada pasukan keselamatan dan petugas kesihatan di negeri ini.

"Dalam masa sama, saya juga meminta semua ahli-ahli MUTIARA GRS terus lebih aktif turun padang di kawasan masing-masing bagi menyantuni rakyat khususnya yang memerlukan bantuan di kawasan mereka," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi perempuan baru lahir ditinggalkan di bangsal kayu



Oleh OTHMAN YAHAYA 9 Mac 2025, 4:23 pm

SUNGAI PETANI: Seorang wanita menemukan bayi perempuan dipercayai baru dilahirkan yang ditinggalkan di bangsal kayu berhadapan rumahnya di Lorong 1, Taman Semarak di sini pagi tadi.

Yeoh Yit Chen, 40, menjumpai bayi tanpa pakaian itu kira-kira pukul 11 pagi yang diletakkan di dalam beg galas separuh terbuka.

“Semakin menghampiri beg itu, semakin kuat saya dengar tangisan dan terkejut mendapati seorang bayi perempuan sedang menangis setelah melihat isi dalam beg itu.

“Ketika itu saya mendapati ada bintik-bintik merah di beberapa bahagian badan dan mukanya sebelum memanggil jiran untuk melihat,” katanya ketika ditemui hari ini.

Yit Chen berkata, bayi itu berhenti menangis setelah mereka membuka beg berkenaan sebelum dia segera masuk ke rumah untuk mengambil selimut.

Katanya, setelah mengeluarkan bayi itu daripada beg berkenaan, penduduk menghubungi polis bagi memaklumkan kejadian tersebut.

“Kemungkinan bayi itu baru saja diletakkan di situ kerana sewaktu saya menyidai baju di ampaian pagi tadi tidak pula mendengar tangisannya. Kasihan, mungkin dia menangis kesejukan kerana tiada kain membalutnya,” katanya.

Bayi itu kemudian dibawa oleh kakitangan perubatan dengan ambulans ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) untuk pemeriksaan lanjut. –UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JUMPA BAYI MASIH BERTALI PUSAT TEPI JALAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 MAC 2025

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

SEMPORNA

Jumpa bayi masih bertali pusat tepi jalan

Semporna: Seorang bayi lelaki yang masih bertali pusat ditemukan di atas rumput di tepi jalan di Kampung Keramat di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Semporna Superintendan Mohd Sabri Zainol berkata bayi itu ditemukan orang awam dalam keadaan berbalut dengan kain pada 1 tengah hari dan kini sedang dirawat di Hospital Semporna.

"Doktor mengesahkan bayi yang dianggarkan seberat 3.1 kilogram itu tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.

Mohd Sabri berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai penemuan bayi itu diminta menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna di talian 089-782020 atau Pegawai Penyiasat Inspektor Mohammad Hafizudin Akram Ghafar Ismail di talian [013-7557293](tel:013-7557293).